

20 SEP 2001

PERANGSANG EKONOMI

TAMBAHAN PERUNTUKAN RM500 JUTA UNTUK TERUS RANGSANG EKONOMI

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan memperuntukan RM500 juta lagi bagi projek-projek pembangunan kecil seluruh negara sebagai sebahagian daripada langkah untuk mengatasi kemungkinan kesan negatif ekonomi daripada serangan pegganas di Amerika Syarikat, demikian diumumkan hari ini.

Syed Imran Alsagoff, setiausaha akhbar kepada Datuk Seri Dr Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata Rais telah disalah petik dalam beberapa laporan akhbar sebagai berkata yang kabinet semalam telah meluluskan sejumlah RM1 bilion untuk pakej rangsangan itu.

Beliau menjelaskan jumlah yang diluluskan oleh kabinet ialah RM500 juta dan akan digunakan untuk pembangunan projek-projek yang melibatkan kontraktor-kontraktor berskala kecil.

Pada 14 Sept, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan secara serius mengkaji kesan daripada serangan pada 11 Sept itu dan telah tidak menolak penggunaan langkah-langkah rangsangan fiskal tambahan.

Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM3 bilion pada Mac tahun ini untuk menangani kesan-kesan kelembapan ekonomi yang berpanjangan di Amerika Syarikat selain daripada peruntukan RM28 bilion yang diumumkan pada Belanjawan 2001 Oktober lepas.

Adalah dipercayai bahawa semua kementerian telah diarahkan untuk mempercepatkan penggunaan peruntukan mereka untuk memberi kesan positif yang lebih besar kepada ekonomi negara.

Sebagai sebahagian daripada langkah untuk meletakkan ekonomi Malaysia di kedudukan yang lebih kukuh, Bank Negara Malaysia (BNM) hari ini mengumumkan bahawa kadar faedah campurtangan BNM tiga-bulan diturunkan sebanyak 50 mata asas kepada 5.00 peratus.

Gabenor BNM Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata penurunan dalam kadar faedah campurtangan itu akan meningkatkan sentimen perniagaan dan pengguna bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri dan juga mengurangkan kesan negatif daripada perkembangan di luar negeri baru-baru ini.

Dengan itu, paras bumbung kadar berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan akan jatuh masing-masing kepada 6.42 peratus dan 7.46 peratus daripada 6.83 peratus dan 7.98 peratus sebelumnya.

Tahun lepas ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 8.5 peratus dan tahun ini pertumbuhan adalah dijangka lebih rendah memandangkan persekitaran luaran yang tidak menentu.

Ekonomi Malaysia menyaksikan pertumbuhan 3.1 peratus dalam suku pertama tahun 2001 dan hanya mampu untuk berkembang 0.5 peratus dalam suku kedua. .

-- BERNAMA

SHY SHY NHD